جابتن كواڠن دان ڤربندهاراءن نڬري ملاك
JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA
Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara
Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333
Faks : 06-231 6489
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

Rujukan : JKPNMPA(S).400-10/2/1 JLD 5 (9)
Tarikh : 7 Mac 2025

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

S.S Datuk Wira/ Y.A.A Tuan/ YBhg. Datuk/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan

PENGUATKUASAAN PERATURAN BERKAITAN PELARASAN KADAR HARGA KONTRAK PEROLEHAN KERAJAAN BERIKUTAN PELAKSANAAN PERINTAH GAJI MINIMUM (PGM) BERKUATKUASA PADA 1 FEBRUARI 2025

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Seperti pihak S.S Datuk Wira/ Y.A.A Tuan/ YBhg. Datuk/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, pelaksanaan Perintah Gaji Minimum (PGM) 2024 telah diwartakan dan berkuat kuasa mulai 1 Februari 2025 melalui warta P.U. (A) 376. Susulan pelaksanaan PGM baharu, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui surat edaran rujukan MOF.BPK.(S)600-1/3/66 Jld.2 (30) bertarikh 4 Februari 2025 bersetuju supaya semua kontrak Kerajaan yang terkesan dengan pelaksanaan PGM perlu dibuat pelarasan kadar harga sebagaimana ketetapan peruntukan semasa yang berkuat kuasa.

2. Sehubungan itu, jabatan ini tiada halangan dengan pelarasan kadar harga kontrak berikutan pelaksanaan PGM. Walau bagaimanapun, pihak S.S Datuk Wira/ Y.A.A Tuan/ YBhg. Datuk/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan dimohon untuk mengemukakan permohonan pelarasan kadar harga kontrak perolehan kepada jabatan ini. Jabatan perlu memastikan perkara – perkara seperti berikut dipatuhi sebelum permohonan dikemukakan kepada jabatan ini:

a) Menubuhkan Jawatankuasa Pelarasan Kadar Harga (JPPKH) untuk menyemak dokumen, meneliti dan mengesahkan pengiraan pelarasan kadar harga dan diperakukan oleh Ketua Jabatan sebelum diangkat kepada jabatan ini untuk kelulusan;

Rujukan : JKPNMPA(S).400-10/2/1 JLD 5 (9)
Tarikh : 7 Mac 2025

PENGUATKUASAAN PERATURAN BERKAITAN PELARASAN KADAR HARGA KONTRAK PEROLEHAN KERAJAAN BERIKUTAN PELAKSANAAN PERINTAH GAJI MINIMUM (PGM) BERKUATKUASA PADA 1 FEBRUARI 2025

b) Pelarasan kadar harga mengambil kira kenaikan gaji pokok kepada RM1,700 dan lain-lain elemen di mana penetapan kadar adalah berdasarkan kepada gaji pokok seperti caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) majikan, caruman PERKESO, Skim Insurans Pekerja (SIP) dan juga bayaran lebih masa. Pelarasan kadar harga kontrak **selain** yang dinyatakan di atas adalah tidak dibenarkan;

c) Pihak syarikat perlu membayar pertambahan susulan daripada pelaksanaan PGM sebelum permohonan dibuat oleh syarikat. Jabatan juga perlu memastikan bahawa syarikat telah membuat pembayaran kepada pekerja melalui semakan kepada slip gaji sebelum pembayaran semula dibuat kepada pihak syarikat; dan

d) Pematuhan kepada syarat-syarat yang telah digariskan di dalam surat edaran bertarikh 4 Februari 2025, rujukan MOF.BPK.(S)600-1/3/66 Jld.2 (30) beserta soalan lazim berhubung Penguatkuasaan Peraturan Berkaitan Pelarasan Kadar Harga Kontrak Perolehan Kerajaan Berikutan Pelaksanaan Perintah Gaji Minimum (PGM) Berkuatkuasa Pada 1 Februari 2025.

3. Justeru itu, pihak S.S Datuk Wira/ Y.A.A Tuan/ YBhg. Datuk/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan bolehlah merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan PK4.1 Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan Secara Am yang telah memperuntukkan peraturan mengenai perubahan harga kontrak.

4. Bersama-sama ini, dilampirkan surat edaran MOF dan soalan lazim mengenai Penguatkuasaan Peraturan Berkaitan Pelarasan Kadar Harga Kontrak Perolehan Kerajaan Berikutan Pelaksanaan Perintah Gaji Minimum (PGM). Sekiranya pihak S.S Datuk Wira/ Y.A.A Tuan/ YBhg. Datuk/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi Unit Perolehan dan Pengurusan Aset, Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka (JKPNM).

Rujukan : JKPNMPA(S).400-10/2/1 JLD 5 (9)
Tarikh : 7 Mac 2025

PENGUATKUASAAN PERATURAN BERKAITAN PELARASAN KADAR HARGA KONTRAK PEROLEHAN KERAJAAN BERIKUTAN PELAKSANAAN PERINTAH GAJI MINIMUM (PGM) BERKUATKUASA PADA 1 FEBRUARI 2025

5. Segala kerjasama pihak S.S Datuk Wira/ Y.A.A Tuan/ YBhg. Datuk/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan dalam mematuhi peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK WIRA SALHAH BINTI SALLEH)
Pegawai Kewangan Negeri
MELAKA

s.k:

Pegawai Teknologi Maklumat – puan dimohon untuk memuatnaik ke portal Jabatan
ii) Fail Timbul

SENARAI KETUA JABATAN PENTADBIRAN AWAM NEGERI (PAN) MELAKA

1. YB Setiausaha Kerajaan Negeri

2. Sahibus Samahah Mufti Negeri Melaka
   Jabatan Mufti Negeri Melaka

3. Y.A.A Ketua Hakim Syarie
   Mahkamah Syariah Negeri Melaka

4. Pengarah
   Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Melaka

5. Pengarah
   Jabatan Agama Islam Melaka

6. Pegawai Daerah
   Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah

7. Pegawai Daerah
   Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah

8. Pegawai Daerah
   Pejabat Daerah dan Tanah Jasin

9. Pengarah
   Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka

10. Pengarah
    Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Melaka

11. Pengarah
    Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka

12. Setiausaha Sulit
    Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka

13. Pengarah
    Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka

14. Pengarah
    Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka

SENARAI KETUA JABATAN PENTADBIRAN AWAM NEGERI (PAN) MELAKA

15. Pengarah
    Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

16. Pengarah
    Jabatan Pertanian Negeri Melaka

17. Pengarah
    Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Melaka

SENARAI KETUA JABATAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI MELAKA

1. Datuk Bandar
   Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

2. Yang Dipertua
   Majlis Perbandaran Alor Gajah

3. Yang Dipertua
   Majlis Perbandaran Jasin

4. Yang Dipertua
   Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya

SENARAI KETUA JABATAN BADAN BERKANUN NEGERI (BBN) NEGERI MELAKA

1. Ketua Pegawai Eksekutif
   Perbadanan Melaka (MCORP)

2. Pengurus Besar
   Yayasan Melaka

3. Ketua Pegawai Eksekutif
   Perbadanan Melaka *Waterfront Economic Zone* (SMWEZ)

4. Ketua Pegawai Eksekutif
   Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka

5. Setiausaha
   Majlis Agama Islam Melaka

6. Pengarah
   Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Melaka

7. Pengarah Eksekutif
   Lembaga Perumahan Melaka

8. Pengurus Besar
   Perbadanan Muzium Melaka

9. Ketua Pegawai Eksekutif
   Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka

10. Ketua Pegawai Eksekutif
    Perbadanan Teknologi Hijau Melaka

11. Ketua Pegawai Eksekutif
    Perbadanan Bioteknologi Melaka

12. Ketua Pegawai Eksekutif
    Institut Tun Perak

13. Pengurus Besar
    Institut Warisan Melaka

SENARAI KETUA JABATAN BADAN BERKANUN NEGERI (BBN) NEGERI MELAKA

14. Pengurus Besar
    Institut Pengurusan dan Integriti Melaka

15. Naib Canselor
    Universiti Melaka